

Peguanam Negara perjelas prosedur pelantikan MB Terengganu

B.H 24/03/08 MTS 5

KUALA LUMPUR: Peguanam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, berkata dalam soal pemilihan Menteri Besar Terengganu, Pemangku Raja dan Majlis Penasihat Pemangku Raja adalah terikat dengan peruntukan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dan sesiapa jua daripada ahli-ahli yang mendapat kepercayaan kebanyakan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Terengganu hendaklah dilantik.

Beliau berkata, proses pelantikan Menteri Besar adalah satu proses yang ditentukan undang-undang sebagaimana termaktub dalam Un-

dang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dan mengikut prinsip demokrasi berparlimen, seseorang yang mendapat sokongan majoriti Adun hendaklah dilantik sebagai Menteri Besar.

“Dalam perkara ini, YB Datuk Seri Idris Jusoh mendapat sokongan daripada sekurang-kurangnya 22 ahli Dewan Undangan Negeri, kata Abdul Gani dalam satu kenyataan malam tadi

Abdul Gani berkata, dalam hubungan ini, sekurang-kurangnya 22 daripada 32 Adun yang dipilih pada pilihan raya umum 8 Mac lalu, telah

pada 22 Mac menandatangani satu surat yang ditujukan kepada Pemangku Raja Negeri Terengganu Darul Iman dan Majlis Penasihat Pemangku Raja, menzahirkan sokongan mereka kepada pencalonan dan pelantikan Idris sebagai Menteri Besar Terengganu.

Kenyataan empat perkara Peguanam Negara itu berikutan pelantikan Adun kawasan Kijal, Datuk Ahmad Said sebagai Menteri Besar Terengganu oleh Majlis Penasihat Pemangku Raja Negeri Terengganu Darul Iman semalam.

Abdul Gani berkata, surat itu di-

rujukkan kepada beliau dan percaya bahawa Idris sudah mendapat nasihat perundangan mengenainya.

“Apa-apa tindakan yang diambil hendaklah mengikut lunas undang-undang dan Perlembagaan,” katanya.

Abdul Gani juga berkata, menurut Perkara 145 (2) Perlembagaan Persekutuan, adalah menjadi kewajipan beliau sebagai Peguanam Negara untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai apa-apa perkara undang-undang.

“Atas sifat yang sedemikian, saya akan memohon menghadap Seri Pa-

duka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjelaskan mengenai fakta yang dikemukakan kepada saya dan berkenaan dengan undang-undang berhubungan perkara berkenaan.

“Walaupun perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Penasihat Pemangku Raja dan keputusan dibuat oleh majlis berkenaan, saya berpendapat bahawa Yang di-Pertuan Agong sewajarnya dimaklumkan agar baginda sedia maklum dan lebih jelas akan fakta dan undang-undang mengenai perkara ini,” katanya. — Bernama